



26 NOV, 2021

Barang mahal: Apa langkah kita?

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Barang mahal: Apa langkah kita?

SAUDARA PENGARANG,

KEKURANGAN bekalan disebabkan bencana alam seperti gempa bumi, banjir atau serangan tanaman adalah sukar dikawal tetapi boleh disiasat oleh persatuan pengguna sekiranya berlaku kenaikan harga barang keperluan. Tujuannya untuk mengetahui sama ada ia sengaja dilakukan penjual untuk mendapat untung berlebihan.

Persatuan-persatuan pengguna perlu bersatu agar langkah mereka seterusnya akan lebih berkesan. Kedai-kedai yang mengenakan harga terlalu tinggi boleh dipulaukan oleh ribuan ahli-ahli persatuan pengguna yang bergabung ini.

Ahli-ahli juga boleh dididik untuk mengesan penipuan sama ada dari segi sukatan, mutu dan sebagainya oleh penjual. Langkah ini boleh dibuat bersama Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian, Malaysia atau SIRIM Berhad.

Selain itu, peniaga yang melakukan kesalahan hendaklah dikenakan hukuman setimpal terutama yang mengambil kesempatan pada masa kritikal seperti banjir atau kebakaran.

Undang-undang juga perlu digubal untuk menghalang tindakan monopoli dan pakatan harga.

Persatuan pengguna juga boleh bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memastikan bukan sahaja pengeluar mendapat harga pasaran berpatutan tetapi pengguna juga mendapat faedah daripada mutu yang tinggi.

BULBIR SINGH

Seremban, Negeri Sembilan



PENGGUNA perlu bijak mengambil tindakan dengan mengadu kenaikan harga kepada persatuan pengguna agar harga barangan dapat dikawal. - GAMBAR HIASAN/MOHAMMAD FIRDAUS AMRAN



26 NOV, 2021

Barang mahal: Apa langkah kita?

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SAUDARA PENGARANG. KEKURANGAN bekalan disebabkan bencana alam seperti gempa bumi, banjir atau serangan tanaman adalah sukar dikawal tetapi boleh disiasat oleh persatuan pengguna sekiranya berlaku kenaikan harga barang keperluan. Tujuannya untuk mengetahui sama ada ia sengaja dilakukan penjual untuk mendapat untung berlebihan. Persatuan-persatuan pengguna perlu bersatu agar langkah mereka seterusnya akan lebih berkesan. Kedai-kedai yang mengenakan harga terlalu tinggi boleh dipulaukan oleh ribuan ahli-ahli persatuan pengguna yang bergabung ini.